



## Penggunaan Google Site Dalam Topik Analisis Harga Bagi Pelajar Diploma Pemasaran Semester 3 Sesi 2 2022/2023

*Suriani Binti Md Saleh Marsunita Binti Md Saad, Siti NorA'khidah Binti Samsudin,  
Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra Kedah.*

**Abstrak:** Kajian ini dilaksanakan untuk meningkatkan pemahaman pelajar kursus DPM30043 Pricing dalam topik Analisis harga melalui penggunaan google site. Daripada tinjauan awal mendapati pelajar tidak memahami isi pembelajaran topik tersebut kerana terlalu banyak dan panjang. Google site membantu pelajar mempelajari topik dan memberi maklum balas positif mengenai prestasi pemahaman mereka. Dengan penggunaan Google site, pelajar berpeluang untuk mengulangkaji pelajaran dengan lebih efisyen. Seramai 20 org pelajar kelas harga telah terlibat dalam kajian ini. Kajian dilaksanakan selama empat minggu bagi pengumpulan dan analisis data. Model kajian tindakan yang digunakan adalah Model *Kemmis & Mc Taggart (1988)* *Model Kemmis & Mc Taggart (1988)* dan *Model Spiral Kajian Tindakan Kemmis (1988)*. Instrumen penilaian yang digunakan adalah ujian Pra dan Pasca melalui Google form dan soal selidik. Ujian Pra dan Pasca dilaksanakan untuk mengetahui pemahaman pelajar kursus Pricing dengan menggunakan Google Site. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan skor di dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca dan dapatan menunjukkan penggunaan Google site mampu meningkatkan tahap kefahaman pelajar terhadap topik yang diajar. Semua pelajar memberikan maklum balas yang positif terhadap penggunaan Google site. Kaedah pengajaran ini boleh diperkembangkan lagi dengan menggunakan kepelbagaian aplikasi pengajaran bagi memperkasakan lagi pembelajaran dalam dunia digital.

---

**Kata Kunci:** *google site, harga, efisyen, kaedah pengajaran dan pembelajaran*

---

### 1.0 REFLEKSI KAJIAN

Topik Analisis Harga merupakan topik dalam silibus Harga DPM 30043 bagi pelajar semester tiga Diploma Pemasaran. Kajian tindakan ini dijalankan untuk pelajar DPR 3A seramai 20 orang. Dalam topik ini, pelajar perlu memahami Analisa harga yang mempunyai banyak terma-terma dan istilah-istilah yang agak sukar difahami dan diingati.

Kaedah pengajaran terdahulu adalah dengan menggunakan nota Power Point yang ringkas dan mudah untuk pemahaman pelajar. Berdasarkan pemerhatian di dalam kelas Pdp pelajar sukar untuk memahami dan mengingati banyak nota-nota seterusnya sukar untuk membuat tutorial di dalam kelas dan terdapat segelintir pelajar yang tidak melihat nota-nota Power Point yang diberikan.

Sehubungan dengan itu Google Site telah diperkenalkan bagi mencapai objektif pembelajaran yang diinginkan. Google Site merupakan satu aplikasi yang disediakan secara percuma kepada pengguna Google. Sesiapa sahaja yang memiliki akaun google boleh mengakses dan menggunakan aplikasi Google Site ini. Pengkaji telah mengkaji salah satu kegunaan dan manfaat yang boleh diambil dari aplikasi Google Site ini ialah ianya sesuai digunakan sebagai satu platform untuk pengkaji mengumpulkan bahan-bahan pembelajaran yang diperolehi menerusi internet yang relevan dan sesuai dengan silibus. Kemudian ianya



diberikan kepada pelajar-pelajar sebagai rujukan pembelajaran mereka. Aplikasi ini menarik minat pelajar yang lebih sukakan applikasi dalam talian. Google site boleh diakses setiap waktu, masa dan menarik serta mudah.

Penggunaan Google Site ini dapat membantu pelajar mempelajari topik analisis harga dan memberi maklum balas mengenai tahap pemahaman pelajar dan memberi maklumbalas mengenai prestasi pelajar. Ini dapat memastikan bahawa pelajar benar-benar memahami tajuk analisis harga dengan melihat slide-slide yang ditayangkan seterusnya menjawab soalan-soalan tutorial di dalam Google site tersebut. Sebilangan pelajar yang tidak memahami topik tersebut boleh mengulangi slide-slide yang menarik tersebut bagi tujuan pemahaman dan membuat latihan tutorial yang disediakan bagi tujuan pengukuhan pelajar.

Sebilangan pelajar memerlukan pendedahan berulang kali terhadap konsep sebelum mereka dapat menguasai kemahiran tersebut. Dengan penggunaan Google Site, pelajar berpeluang untuk mengulang kaji mata pelajaran seberapa kerap yang diperlukan untuk memahami topik pembelajaran.

Pengkaji percaya melalui kaedah ini para pelajar akan lebih berminat seterusnya dapat memahami konsep pembelajaran dengan lebih baik. Model kajian tindakan yang digunakan adalah Model Kemmis & Mc Taggart (1988) dan Model Spiral Kajian Tindakan Kemmis (1988).

## 2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini adalah meningkatkan pemahaman pelajar kursus DPM30043 Pricing dalam topik Analisis harga

Penyelidik berpendapat bahawa dengan penggunaan Google Site dapat membantu kefahaman pelajar.

## 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

### 3.1 *Objektif am*

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti peningkatan pemahaman pelajar kursus DPM30043 dengan penggunaan Google Site.

### 3.2 *Objektif Khusus*

3.2.1 Meningkatkan pemahaman topik Analisis harga yang agak sukar



- 3.3.2 Meningkatkan penggunaan Google Site untuk pelajar bagi nota yang terlalu banyak dan panjang
- 3.3.3 Meningkatkan keberkesanan penggunaan google site dengan memberi peluang kepada pelajar untuk mengulangkaji pelajaran dengan lebih efisyen

## 4.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan kajian ini terdiri daripada pelajar Jabatan Perdagangan, POLIMAS. Responden adalah terdiri dari pelajar Diploma Pemasaran (DPR) semester tiga. Seramai 20 orang pelajar adalah terlibat dalam kajian ini.

## 5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

Proses pengumpulan data dilakukan melalui kaedah kualitatif dalam bentuk soal selidik.

### 5.1 *Soal selidik*


Kajian ini berdasarkan soal selidik ke atas pelajar semester tiga DPR, seramai 20 orang pelajar dijadikan sampel untuk kajian ini. Setiap konstruk mengandungi lima item. Jumlah keseluruhan soalan adalah sebanyak 15 item yang meliputi 3 aspek iaitu kefahaman (item 1 hingga 5), penggunaan (item 6 hingga 10) dan keberkesanan (item 11 hingga 15). Kesemua data yang diperolehi dikumpul dan dianalisa dalam bentuk peratusan.

## 6.0 ANALISIS TINJAUAN MASALAH

### 6.1 Soal selidik

Kajian ini berdasarkan soal selidik ke atas pelajar semester tiga DPR, seramai 20 orang pelajar dijadikan sampel untuk kajian ini. Setiap konstruk mengandungi lima item. Jumlah keseluruhan soalan adalah sebanyak 15 item yang meliputi 3 aspek iaitu kefahaman (item 1 hingga 5), penggunaan (item 6 hingga 10) dan keberkesanan (item 11 hingga 15). Kesemua data yang diperolehi dikumpul dan dianalisa dalam bentuk peratusan. Soal selidik diedarkan kepada semua pelajar DPR 3A bagi menjawab persoalan.

### 6.1.1 Kefahaman



Rajah 1: Kefahaman pelajar tentang Google Site

#### Petunjuk:


Bil	Item
A1.	Google site menarik minat saya untuk mengikuti kursus ini
A2.	Google site membantu saya untuk mengikuti kursus ini
A3.	Google site ini dapat meningkatkan pemahaman saya terhadap kursus ini
A4.	Google site membantu saya untuk lebih berdikari di dalam mengakses maklumat berkaitan kursus
A5.	Google site menjadikan saya lebih fokus di dalam pembelajaran saya

Berdasarkan Rajah 1 di atas, bagi item 1 responden menyatakan bahawa mereka bersetuju google site menarik minat mereka untuk mengikuti kursus tersebut. Skor peratusan yang diperolehi adalah sebanyak 95% manakala yang tidak bersetuju adalah sebanyak 5%. Manakala item 2, menunjukkan sebanyak 98% responden bersetuju bahawa Google site membantu mereka didalam mengikuti kursus harga manakal hanya 2% sahaja yang tidak bersetuju. Bagi item 3 sebanyak 93% responden bersetuju bahawa Google site meningkatkan pemahaman mereka apabila mempelajari kursus tersebut manakala 7% tidak bersetuju. Seterusnya, bagi item 4 menunjukkan bahawa Google site membantu responden lebih berdikari di dalam mengakses maklumat berkaitan kursus. Ini dapat dibuktikan dengan sebanyak 98%

responden bersetuju dan hanya 2% yang tidak bersetuju. Item 5 pula, didapati sebanyak 95% responden yang bersetuju bahawa dan 5% responden adalah tidak bersetuju

Sebagai rumusan daripada rajah 1 di atas, hasil kajian menunjukkan peratusan tertinggi memperolehi sebanyak 98% responden bersetuju dan 2% responden tidak bersetuju merupakan peratusan terendah. Kedua-dua peratusan tersebut mewakili item 2 dan item 4 iaitu Google site membantu responden mengikuti kursus dan juga membantu responden berdikari di dalam mengakses maklumat berkaitan.

### 6.1.2 Penggunaan



Rajah 2: Penggunaan pelajar tentang Google site


#### Petunjuk:

Bil	Item
B1.	Google site ini memudahkan saya untuk belajar
B2.	Google site ini membuatkan saya berasa selesa untuk belajar kerana bersifat mesra pengguna yang menggunakan
B3.	Google site ini boleh digunakan kepada pelajar kursus lain yang ditawarkan di politeknik lain
B4.	Google site boleh diakses dengan lancar menggunakan telefon pintar
B5.	Google site memudahkan proses mengulangkaji pelajaran saya

Berdasarkan Rajah 2 di atas, bagi item 1 menunjukkan sebanyak 96% responden bersetuju bahawa Google site memudahkan pelajar untuk belajar dan hanya 4% yang tidak bersetuju. Sementara itu item ke 2 memperolehi sebanyak 98% pelajar bersetuju bahawa Google site membuatkan pelajar selesa untuk belajar kerana ia mesra pengguna dan hanya 2% sahaja yang tidak bersetuju. Bagi item 3 sebanyak 92% pelajar bersetuju bahawa Google site boleh digunakan kepada pelajar kursus lain yang ditawarkan di politeknik lain. Hanya 8% sahaja yang tidak bersetuju bagi item 3. Item 4 memperolehi sebanyak 96% bersetuju bahawa Google site boleh diakses dengan lancar dengan menggunakan telefon pintar kerana kecanggihan teknologi yang terdapat di telefon pintar. Hanya 4% sahaja yang tidak bersetuju untuk item tersebut. Bagi item 5 terdapat sebanyak 95% bersetuju Google site memudahkan proses mengulangkaji pelajaran. Manakala 5% lagi tidak bersetuju.

Sebagai rumusan daripada rajah 2 di atas, hasil kajian menunjukkan peratusan tertinggi dalam penggunaan pelajar tentang Google site adalah item 2 iaitu Google site membuatkan pelajar berasa selesa untuk belajar kerana bersifat mesra pengguna yang memperolehi sebanyak 98%.

### 6.1.3 Keberkesanan



Rajah 3: Keberkesanan Google site oleh pelajar

Petunjuk:

- |     |   |
|-----|---|
| C1. | Google site memberikan kesan yang positif terhadap motivasi diri saya untuk belajar |
|-----|---|



C2.	Google site menjadikan saya berani untuk memberikan pendapat dan bersuara di dalam kelas
C3.	Google site membantu saya menjadi lebih berdaya saing
C4.	Google site memupuk kerjasama rakan sekelas
C5.	Google site menjadikan saya lebih faham dan yakin di dalam kelas

Berdasar Rajah 3 di atas, bagi item 1 iaitu Google site memberikan kesan yang positif terhadap motivasi diri untuk pelajar belajar menunjukkan peratusan sebanyak 98% responden bersetuju dan 2% responden tidak bersetuju. Berikutnya item ke 2 iaitu Google site menjadikan pelajar berani untuk memberikan pendapat dan bersuara di dalam kelas menunjukkan 98% responden bersetuju dan 2% responden adalah tidak bersetuju. Seterusnya bagi item 3, Google site membantu responden menjadi lebih daya saing telah menunjukkan sebanyak 92% responden bersetuju dan 8% adalah tidak bersetuju. Kemudian item 4 iaitu Google site memupuk kerjasama rakan sekelas menunjukkan sebanyak 95% responden bersetuju dan 5% adalah tidak bersetuju. Bagi item 5 menunjukkan sebanyak 94% responden bersetuju manakala 6% tidak bersetuju bahawa Google site menjadikan responden lebih faham dan yakin di dalam kelas.

Sebagai rumusan daripada RAJAH 3 di atas, hasil kajian menunjukkan peratusan tertinggi memperolehi sebanyak 98% responden bersetuju dan 2% responden tidak bersetuju merupakan peratusan terendah. Kedua-dua peratusan tersebut mewakili item 1 dan item 2 iaitu Google site memberikan kesan yang positif terhadap motivasi diri pelajar dan ia juga menjadikan responden lebih faham dan yakin di dalam kelas. Pelajar akan lebih bermotivasi di dalam pembelajaran yang lebih efisyen

## 7.0 TINDAKAN YANG DIJALANKAN UNTUK MENGATASI MASALAH

Berikutan kajian yang dijalankan penyelidik mendapati bahawa penggunaan Google Site bagi topik harga sangat membantu pelajar bagi memahami topik yang sukar tersebut. Pelajar perlu kreatif dalam mempelajari pembelajaran teradun ini.

Dapatan daripada analisa di atas, penyelidik telah menjalankan beberapa tindakan untuk mengatasi masalah tersebut seperti berikut:



7.1 Pensyarah menerangkan penggunaan Google site di dalam kelas bagi memudahkan semua pelajar mengakses bahan tersebut.

7.2 Menggalakkan pelajar membuat aktiviti yang terdapat di dalam Google site bagi membiasakan mereka mesra pengguna dan memahami topik harga dengan terperinci.

## **8.0 PERLAKSANAAN TINDAKAN DAN PEMERHATIAN**

Pelaksanaan tindakan telah dijalankan dalam tempoh dua minggu perkuliahan, di mana pemerhatian telah dilakukan terhadap semua pelajar Diploma Pemasaran bagi kelas tersebut.

Pelaksanaan tindakan bagi item (7.1), di mana pensyarah menerangkan penggunaan Google site di dalam kelas bagi memudahkan semua pelajar mengakses bahan tersebut. Dapatkan dari soal selidik telah menunjukkan pelajar minat untuk menggunakan Google Site dan penggunaan Google site dapat membantu dalam peningkatan pemahaman mereka bagi topik harga.

Pelaksanaan bagi tindakan (7.2), iaitu menggalakkan pelajar membuat aktiviti yang terdapat di dalam Google site bagi membiasakan mereka mesra pengguna dan memahami topik harga dengan lebih mendalam dan terperinci. Responden dapat menguasai dan mempelajari Google site dengan mudah dan mereka gembira dengan aplikasi mudah yang diperkenalkan kepada mereka sekaligus dapat menguasai kefahaman dan penggunaan Google site. Proses P&P mereka menjadi lebih mudah dan masalah dapat diatasi.

## **9.0 REFLEKSI KAJIAN**

Hasil daripada soal selidik yang diedarkan menunjukkan masih terdapat sebanyak 8 % pelajar tidak bersetuju bahawa Google site membantu responden menjadi lebih daya saing masih kurang dan 2% juga menunjukkan pelajar masih kurang bersetuju bahawa Google site boleh digunakan kepada pelajar kursus lain yang ditawarkan di politeknik lain.

Walaubagaimanapun, setelah beberapa tindakan kajian yang dijalankan seperti disebutkan di atas di dapati bahawa pelajar telah sedar dan bersetuju bahawa penggunaan Google site adalah pilihan yang terbaik dan dapat membantu di dalam pembelajaran. Dengan kemudahan yang boleh diakses dimana-mana sahaja menggunakan telefon pintar penggunaan Google site dikatakan akan dapat membantu dan memberi peluang kepada pelajar Diploma Pemasaran semester Tiga untuk memahami dan lulus dengan terbaik.



## 10.0 CADANGAN UNTUK KAJIAN SETERUSNYA

Terdapat beberapa cadangan yang boleh dijalankan untuk kajian seterusnya adalah seperti berikut:

- i. Kajian akan diperluaskan dengan penggunaan aplikasi yang lain yang lebih mudah dan menarik pelajar sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bagi memudahkan pelajar memahami topik-topik yang sukar
- ii. Kajian kefahaman pelajar dan minat pelajar untuk mempelajari kaedah yang mudah dan berkesan bagi memahami topik-topik yang sukar
- iii. Mengembangkan lagi penyelidikan dengan melihat keberkesanan penggunaan bahan pengajaran yang menggunakan teknologi tinggi.

## 11.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, didapati pelajar mempunyai kesediaan yang tinggi terhadap penggunaan Google Sites sebagai medium pembelajaran. Hasil kajian juga mendapati pelajar mendapat kemanfaatan pembelajaran berasaskan internet dan komputer yang telah memudahkan kerja mereka. Selain itu, pelajar berkemahiran dalam mendapatkan bahan-bahan P&P yang diberikan oleh pensyarah. Pelajar lebih memahami pembelajaran dengan menggunakan Google Site.

## RUJUKAN

- Firman, F., & Rahayu, S. (2020). Pembelajaran Online di Tengah Pandemi Covid-19. Indonesian
- Mardin, H., & Nane, L. (2020). Pelatihan Pembuatan Dan Penggunaan Google Sites Sebagai Media Pembelajaran Kepada Guru Madrasah Aliyah Se-Kabupaten Boalemo.
- Mukti, W. M., & Anggraeni, Z. D. (2020). Media Pembelajaran Fisika Berbasis Web Menggunakan Google Sites Pada Materi Listrik Statis : Indonesia



Budiman, M. A., Widyaningrum, A., & Azizah, M. (2013). Kreatifitas Guru Dalam 32 Educate, Vol. 6, No. 2, Juli, 2021 Memilih Media Untuk Pembelajaran Bahasa Inggris Di Sekolah Dasar : Indonesia

Model Kemmis & Mc Taggart (1988) dan Model Spiral Kajian Tindakan Kemmis (1988).

Shardilla Mohamad Sarif & Jamaliah Musa (2012). Penerimaan CIDOS Sebagai Medium Dalam Kaedah Pembelajaran Bagi Pelajar JTMK. Politeknik Ungku Omar.